



MEMBACA NILAI PERPADUAN DALAM NOVEL "AH FOOK" KARYA JONG CHIAN LAI

Oleh Dilah bin Tuah
tdilah@unimas.my

Pengenalan

Novel setebal 719 buah halaman ini, menceritakan tentang kehidupan seorang lelaki cina yang dihimpit kemiskinan sejak tiga generasi di negara Tembok Besar China. Ah Fook yang telah beristeri (Lee Siew Mei) dan mempunyai dua orang anak (Ah Siew dan Ah Phui), berimpian untuk melepaskan rantai kemiskinan yang membenggu leher keluarganya, dan lari daripada sistem komuniti yang mencengkam hidupnya, dengan jalan penghijrahan ke tanah baru di Kepulauan Borneo. Namun, impian besar Ah Fook untuk menjadi kaya di tanah 'emas' tidak seperti yang dijangkakan. Pelajaran yang menyeksakan di atas kapal Pak Sim, dengan sendirinya menukar status Ah Fook sebagai kuli untuk habuan kepada kapitan kaya di Sarawak. Ah Fook ialah mangsa pemerdagangan manusia yang terpaksa menerima kerja kuli di rumah agam Kapitan Chang tanpa upaya untuk menolak. Hidupnya di tanah emas sama seperti di Tembok Besar, hanya di sini Ah Fook bebas untuk bersuara, kerana tiada mata dan telinga jahat yang memerhati dan mendengarnya.

Kedatangan Jepun di Sarawak semakin menyulitkan hidup Ah Fook untuk kaya selama-lamanya. Demi kelangsungan hidup, Ah Fook terpaksa berkahwin dengan Tambi (Kim Liang), perempuan kacukan Cina Melanau. Kemiskinan tidak pernah mengurangkan ghairah nafsu Ah Fook kepada Tambi. Walaupun berkahwin bukan atas dasar cinta, mereka telah dikurniakan 15 orang cahaya mata, termasuk dua orang yang meninggal dunia ketika kecil. Ah Fook yang obses pada budaya dan bangsanya, telah menyebabkan dirinya gagal untuk menyelami budaya dan hati budi penduduk tempatan. Kesibukan Ah Fook bekerja untuk 'meng-enyangkan' 13 orang anaknya dan mengejar

kekayaan menyebabkan dia jarang bergaul dengan penduduk tempatan, dan ini menyebabkan bahasa Melayunya lemah. Namun, di sebalik sikap prejudis Ah Fook terhadap orang Melayu-Islam, Java, Iban dan Bidayuh, 13 orang anaknya muncul dengan membawa watak dan sikap yang sangat berbeza dengan anak-anak Cina di Tembok Besar. Anak-anak Ah Fook yang terdedah dengan budaya tempatan telah membina jambatan integrasi kaum yang menunjangi konsep perpaduan dalam kepelbagaian.

Nilai Perpaduan dalam Novel "Ah Fook"

Karya sastera seharusnya terarah untuk membina kesatuan dan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum. Hal ini demikian kerana, sebagai masyarakat majmuk yang berbeza fahaman agama, bahasa dan budaya, identiti nasional bangsa Malaysia bukanlah satu perkara yang mudah untuk dihuraikan dan dicari titik keseimbangannya (Lukman, 2001). Namun, dari dahulu sehingga kini, sastera masih dilihat sebagai alat ampuh untuk membina jambatan perpaduan. Perkara ini dapat dilihat pada karya sastera pascamerdeka, khususnya yang dipelopori oleh Sasterawan Negara Usman Awang, yang banyak mencipta karya yang sarat dengan perpaduan seperti "Pemuda dan Gadis Tionghoa", "Anak Jiran Tionghoa", "Penjual Pisang di Kaki Lima" (kepada Ibu Tua Tionghoa), "Malam Penghabisan", "Suasana" (Serentak Dua Hari Raya), "Kambing Hitam", "Sahabatku" (Kepada Dr. MK. Rajakumar), naskhah drama "Tamu Bukit Kenny" dan beberapa karya lain. "

perkongsian hidup bagi menyatukan masyarakat yang berbilang kaum, seterusnya melahirkan satu sentimen di negara ini. Malah peranan sastera dalam membina negara bangsa turut disentuh oleh Abdul Rahman Embong (2000) iaitu seperti petikan di bawah;

"Bahasa, budaya dan sastera adalah komponen subjektif yang merupakan unsur *intangible* sesuatu bangsa. Ia boleh memainkan peranan sebagai pemersatu, dan sebagai ramuan yang tidak boleh tiada untuk membina kesedaran kolektif, membentuk bangsa dan mencorakkan destininya."

Bahasa, budaya dan sastera amat penting bagi sesuatu bangsa untuk mengukuhkan dan meningkatkan martabatnya dalam komuniti bangsabangsa yang merdeka dan berdaulat di dunia."

Sehubungan dengan itu, sebagai alat pembina negara bangsa dan perpaduan, tugas pengaruh bukan sekadar menulis apa yang mahu ditulis, atau menghasilkan puluhan karya sastera tanpa sebarang makna, tetapi yang harus dilakukan oleh pengaruh adalah dengan menghasilkan karya yang bercitra perpaduan atau mengangkat nilai budaya setempat. Hal ini demikian kerana, melalui karya tersebut, kita akan dapat membina bangsa Malaysia yang bersatu padu, dalam posisi kepelbagai budaya dan kaum. Tanggungjawab inilah yang digalas oleh Jong Chian Lai sehingga lahirnya novel "Ah Fook".

Menelusuri novel "Ah Fook", khalayak pembaca akan dapat melihat keunggulan novel tersebut yang sarat dengan prinsip "Bhin-neka Tunggal Ika" (*unity in diversity*) atau perpaduan dalam kepelbagai. Novel ini merupakan lanjutan daripada cerpen "Jalur Gemilang", yang dihasilkan oleh Jong Chian Lai ketika Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak melancarkan gagasan 1 Malaysia pada 2 April 2009. Bertitik tolak daripada gagasan tersebut, Jong Chian Lai telah mem-

perluaskan idea kreatifnya, dengan menarikkan bentuk perpaduan yang ada di Sarawak, yang diyakininya sebagai model terbaik 1 Malaysia. Daripada garapan tersebut, "Ah Fook" berjaya diangkat sebagai novel ulung pada tahun 2015, kerana adanya nilai perpaduan yang ditonjolkan oleh Jong Chian Lai ketika jurang perpaduan kaum semakin melebar.

Ah Fook ialah jawapan kepada keharmonian penduduk di Sarawak yang berprinsipkan konsep 1 Malaysia. Hal ini demikian kerana, ketika perselisihan kaum dan agama semakin melebar, Jong Chian Lai berusaha untuk meratapkannya. Dengan stigma masyarakat Melayu yang fobia dengan Kristianisasi, Jong Chian Lai cuba memperjelasannya. Dengan sikap orang Cina yang lemah pengusaan bahasanya, Jong Chian Lai cuba membentulkan.

Dalam konteks ini, Jong Chian Lai terpaksa menampakkannya kelemahan bangsanya dan bangsa lain melalui kemiskinan, kecurigaan, dan kelaparan. Di sinilah Jong Chian Lai cuba membina jambatan perpaduan melalui pertembungan budaya dan nilai yang akhirnya diangkat maknanya di penghujung bab 47;

"Dan sebelum ibu menghembuskan nafas terakhir, katanya "Bapak dan ibu melahirkan anak semua bangsa ke dunia ini." Ah Rong bagaiakan sangat mengerti akan bicara itu."

(Ah Fook, 2015:71)

Apa yang muh disampaikan oleh Jong Chian Lai adalah melalui perkahwinan campur, ikatan perpaduan dapat dibina.

Dalam konteks ini, mana mungkin anak-anak Ah Fook akan berbalah atas sebab bangsa dan agama. Hal ini demikian kerana, dalam keluarga besar Ah Fook, cucu-cucunya membesar menjadi bangsa Jawa, Melayu, Iban, Bidayuh dan Cina, serta agama Islam, Kristian dan Buddha. Atas dasar ikatan tersebut, perpaduan kaum dapat dibina. Mana mungkin Ah Rong yang berag-

ama Kristian boleh menghina agama Islam, kerana ramai abangnya berkahwin dengan Jawa - Melayu Islam. Mana mungkin juga Mariani boleh menghina orang Cina sewenang-wenangnya, kerana darah dagingnya berasal daripada bangsa Cina. Perkara inilah yang menjadi inti pati utama novel "Ah Fook" yang menjadi matlamat dan wawasan Jong Chian Lai.

Selain itu, secara sedar kita turut disajikan oleh Jong Chian Lai dengan budaya harmoni yang ada di Sarawak. Orang Cina boleh dengan bebas bercampur gaul dengan orang Jawa dan Melayu. Perkara ini ditonjolkan oleh Jong Chian Lai melalui watak anak-anak Ah Fook yang suka tidur dan makan di rumah jirannya, dan begitu juga anak-anak jirannya. Walaupun berlainan agama dan kepercayaan, Jong Chian Lai mahu khalayak pembaca sedar bahawa kita boleh hidup aman sekiranya saling mempercayai antara satu sama lain. Hal ini dapat dilihat ketika perkahwinan Ah Fook dan Tambi. Penglibatan Dayang Tempang dalam majlis tersebut sudah cukup besar erti dalam konteks perpaduan kaum. Malah, orang Melayu dan Jawa di Sarawak fiada masalah untuk menghadiri majlis perkahwinan orang Cina seperti yang dipaparkan dalam petikan di bawah;

"Perbualan mereka dalam pelbagai dialek mengusik jiwa Ah Fook. Ada yang bercakap Melayu, Jawa, Melanau, Iban dan Cina. Orang Melayu dan Jawa hanya minum kopi, teh dan roti. Mereka juga menyedari bahawa makanan itu tidak halal, dilarang oleh agama mereka untuk menjamu selera di rumah itu." (Ah Fook, 2015:247)

Dalam konteks yang lebih luas, Jong Chian Lai sebenarnya berusaha untuk membina kepercayaan khalayak pembaca tentang peranan orang Cina dalam membina jambatan keharmonian yang terlalu sukar dibina di tempat lain. Secara sedar, Ah Fook ialah watak antagonis yang sengaja dibina untuk menimbulkan konflik dalam novel ini.

Dalam zaman yang begitu mencabar, "Ah Fook" sebenarnya wujud di mana-mana dalam kelompok masyarakat dan besar kemungkinan masih wujud pada zaman ini. Hal ini demikian kerana, sehingga ke penghujung usianya, Ah Fook masih tidak boleh berbahasa Melayu dengan baik dan apa lagi untuk memahami budaya setempat.

Namun begitu, melalui watak Tambi dan 13 orang anaknya, kedudukan Ah Fook berubah sebagai individu yang berjaya membentuk tali perpaduan melalui resapan budaya setempat dan perkahwinan campur khususnya dalam kalangan anak-anak Ah Fook.

Novel ini paling banyak memperkatakan tentang rumah senget Ah Fook yang dibina di atas tanah milik tauke ladang getah. Ah Fook hanya berpindah ke rumah Ah Cheng, setelah pemilik tanah tersebut mahu menjualkannya. Secara simboliknya, rumah senget itu adalah letak duduknya orang Cina dalam konteks masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Ah Fook ialah bayangan kepada manusia yang tidak mahu mengenali budaya orang lain dan mungkin

pada era serba maju ini masih ada insan seperti Ah Fook. Hakikatnya, Jong Chian Lai mahu khalayak pembaca berfikir tentang pentingnya adaptasi, toleransi dan penerimaan terhadap budaya orang lain.

Sehubungan dengan itu, tanpa Ah Fook dan rumah sengetnya, mana mungkin kita dapat memahami budaya dan cara hidup orang Cina yang berhijrah ke tanah yang jauh, asing dan misteri, tetapi akhirnya menjadikan tanah asing itu sebagai tanah tumpah darahnya iaitu Malaysia.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan dari sudut nilai perpaduan, novel "Ah Fook" ialah karya yang menjulang lang pembinaan negara bangsa yang berteraskan bahasa Melayu. Anak-anak Ah Fook bukan sahaja baik penggunaan bahasa Melayunya, tetapi turut menguasai bahasa jawa. Hal ini hampir menyamai

novel "interlok" yang dikarang oleh Abdullah Hussain yang turut mengetengahkan penyatuan bangsa menerusi bahasa. Dalam novel "interlok", wawasan tersebut amat jelas diwakili judul novel tersebut yang bermakna tautan, jalinan, cantuman yang kemas, kejap atau memanca (*interlock*). Namun, Ah Fook tidak seperti "interlok", Jong Chian Lai lebih senang membiarkan khalayak pembaca mentafsir makna dan pemikiran yang terdapat di dalam novel tersebut.

Sehubungan dengan itu, membaca novel "Ah Fook" akan memberi peluang kepada pembaca hari ini, melihat bagaimana masyarakat majmuk yang berteraskan 1 Malaysia dapat dibentuk khususnya di Sarawak. Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa Ah Fook adalah sarana atau wadah dalam bentuk karya kreatif yang dapat menyuarakan nilai perpaduan dalam kalangan pembaca dan masyarakat akhirnya.

“ Apa yang muh disampaikan oleh Jong Chian Lai adalah melalui perkahwinan campur, ikatan perpaduan dapat dibina. Dalam konteks ini, mana mungkin anak-anak Ah Fook akan berbalah atas sebab bangsa dan agama. Hal ini demikian kerana, dalam keluarga besar Ah Fook, cucu-cucunya membesar menjadi bangsa Jawa, Melayu, Iban, Bidayuh dan Cina, serta agama Islam, Kristian dan Buddha. Atas dasar ikatan tersebut, perpaduan kaum dapat dibina. Mana mungkin Ah Rong yang berag-

PEMAKLUMAN

Mulai tahun 2017, siaran Yang Indah Itu Bahasa telah membuat sedikit pembaharuan siaran dengan menyiaran karya penulis mapan pada minggu pertama dan ketiga setiap bulan. Manakala, pengisian karya untuk minggu kedua dan keempat/kelima akan menyiaran Kumpulan Cerita Rakyat Sarawak, iaitu dengan buku Kisah Si Sidur (judul buku diangkat daripada judul salah sebuah cerita yang termuat di dalamnya). Penerbitan buku Kisah Si Sidur ini merupakan satu usaha untuk mendokumentasikan dan memelihara bahan-bahan yang berkenaan dalam bentuk bertulis dan dapat menjadi sumber rujukan mahupun kajian lanjut berkaitan sistem, nilai, pandangan semesta dan pemikiran masyarakat terdahulu. Buku ini menghimpunkan 87 buah judul cerita rakyat dari masyarakat Iban, Melanau, Melayu, Kelabit, Kenyah dan Bidayuh. Sebahagian besar daripada cerita tersebut ialah rakaman dan pengumpulan bahan sastera rakyat di bawah projek Pengumpulan Cerita Rakyat Sarawak yang dibuat sekitar tahun 1997 hingga 2002 dengan mengikut kategori dan unsur atau ciri yang terdapat dalam cerita seperti cerita pengembawaan atau penglipur lara, cerita binatang, cerita hantu, cerita jenaka, cerita asal usul, cerita mitos dan legenda. Semoga usaha untuk menyiaran semula Kumpulan Cerita Rakyat Sarawak ini dapat dihayati dan memberi manfaat kepada semua.

Peribahasa Melayu

Laksana taji dibentuk.

Maksud:

Kening yang cantik.

Atay Contoh:

Kakak Amera diminati ramai kerana memiliki kening yang lebat dan cantik laksana taji dibentuk.

Sumber : Kamus Peribahasa Daya

JIWA DI KELOPAK JANTUNG NEGERI
(Al-Fatihah untuk Datuk Patinggi Tan Sri Datuk Amar Haji Adenan bin Satem)

Angin tak pernah berbisik sepri tiba-tiba berteriak gamam bergumam sejenak antara percaya atau tidak khabar kelabu jelas berpihak.

Selepas zuhur, Januari sebelas telah menuliskan sejarah negeri pabila takdir mengakuri janji kami kehilangan dia pemimpin di hati rakyat.

Bertahun-tahun dia bersuara mengherdik penjarah tanah pusaka menyelongkar sahih sejarah bangsa merungkai kusut gumpal perpaduan ibunda. Hatta hanya sepenggal masa gundah kami telah mengugah dalam gelisahnya tangis kami telah menitis dalam air matanya semangat kami telah membuncuh dalam cintanya.

Sungguh, jiwa Tok Nan di kelopak jantung negeri Sarawak perjuangannya mercu legasi generasi untuk yakin mara berani melepas segala batas sempadan integrasi demi jati integriti ibu pertiwi.

Rosani Hiplee
11.1.2017, ITJN Kota Samarahan.